# Media: Astro Awani

# Date: 2 June 2023

## Andre Anura idam pecah rekod peribadi tahun ini

Bernama
Jun 2, 2023 07:49 MYT



*Andre Anura ditemui media pada majlis meraikan tiga atlet kebangsaan atas prestasi cemerlang dalam Sukan SEA 2023 di Bandar Enstek, 1 Jun 2023. --fotoBERNAMA*

**NILAI:** Atlet lompat kijang lelaki negara Andre Anura Anuar berhasrat memecahkan catatan peribadi terbaiknya dalam tiga kejohanan yang akan disertainya tahun ini iaitu Sukan Universiti Dunia, Sukan Asia serta Kejohanan Trek dan Padang Asia (ATF).

Andre Anura berkata untuk tujuan itu, beliau kini giat berlatih selain akan ke Jerman pada 10 Jun ini untuk latihan dan perlawanan persahabatan sebagai persediaan awal menghadapi ketiga-tiga temasya sukan.

"Dalam sukan SEA di Hanoi pada 2022, saya merekodkan 16.51 meter manakala pada Sukan SEA tahun ini, walaupun saya berjaya merangkul emas namun saya hanya mampu melakukan catatan 16.06 meter berikutan kecederaan di tumit sebelum perlawanan.


**Popular di Astro AWANI**

1. Anak didakwa bersetubuh dengan ibu sendiri selama berbelas tahun dikuarantin
2. Protes di hadapan Kedutaan Malaysia di Jakarta bantah komik dijual di Malaysia
3. SPRM tegur lafaz IBR tapi ambil rasuah... ibarat wayang pertunjukan!
4. Mamat dedah punca tidak hadir majlis pernikahan Shuib
5. Empat sekeluarga maut, dua kanak-kanak parah dalam kemalangan di Kulim
6. Jambatan runtuh, kereta api bawa asfalt terhumban dalam sungai


"Jadi sekarang ini saya akan kembali on the track, mungkin sasaran (pecah rekod) dekat tiga-tiga games akan datang," kata atlet kelahiran Sabah itu selepas menghadiri Majlis Penghargaan Pemenang Pingat pada Sukan SEA ke-32 di bawah Asean Victory Project oleh Ajinomoto (Malaysia) Berhad (AMB) di sini semalam.

Turut diraikan atlet lempar cakra Queenie Ting Kung Ni dan atlet lompat galah Nor Sarah Adi.


Get The Latest Apple Products

Machines Premium Store in 1 Utama offers a full range of Apple products & accessories.

Machines

Learn More


Ketiga-tiga atlet mengambil bahagian dalam Program Pemakanan Sukan Winning Meals Kachimeshi dan diberi pendedahan mengenai perkara itu serta menerima makanan seimbang bagi memenuhi keperluan latihan di temasya sukan itu.




*Dari kiri, Nor Sarah, Andre Anura dan Queenie menghadiri majlis yang meraikan mereka atas prestasi cemerlang dalam Sukan SEA 2023 di Bandar Enstek, 1 Jun 2023. --fotoBERNAMA*

Queenie turut berazam memperbaiki rekod kebangsaan miliknya dengan menyasarkan lemparan melebihi 58 meter dalam kejohanan yang akan disertainya tahun ini.

"Sekarang ini saya sedang bersedia untuk menghadapi ATF serta Sukan Asia dan berharap dapat memecahkan rekod kebangsaan," katanya.

Atlet berusia 24 tahun yang berasal dari Sarawak itu melakukan lemparan sejauh 52.36 meter di Stadium Nasional My Dinh, Vietnam pada Sukan SEA baru-baru ini untuk meraih pingat perak.

Kejohanan ATF dijadual diadakan pada Julai di Thailand manakala Sukan Universiti Dunia dan Sukan Asia akan berlangsung sekitar Julai hingga September depan di China.